

TEPAT & TERKINI



KERTAS PERSEDIAAN UJIAN AKHIR SESI AKADEMIK

Berdasarkan




Tingkatan

1

KSSM

JADUAL SPESIFIKASI UJIAN (JSU)

Bahasa Melayu (02)



1 Set Ujian Awal Tahun

1 Set Ujian Pertengahan Sesi Akademik

3 Set Ujian Akhir Sesi Akademik + JSU

Arahan: Jawab semua soalan dalam setiap bahagian.

BAHAGIAN A

[15 markah]

Soalan 1 – 2

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 Kecemerlangan seorang _____ dalam bidang akademik didorong oleh (daya usahanya) ketika mengulang kaji pelajaran.
 光军火皇 科系 学业 被鼓励 努力
- A guru
 B calon 考生
 C rakan
 D murid

Soalan 2 berdasarkan gambar di bawah ini.



- 2 (Jabatan Pengangkutan Jalan) telah mewajibkan pemakaian tali pinggang keledar kepada semua penumpang (termasuklah) penumpang yang berada di _____ duduk belakang.
 规定 规定 规定
- A sudut 包括
 B lokasi > location
 C tempat
 D kawasan

Soalan 3 – 4

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betulnya.

- 3 I Keindahan puisi karya Usman Awang terpendam dengan semangat nasionalisme.
 II Fikirannya masih terpendam akan peristiwa kemalangan yang berlaku pada malam tadi.
 III Harta karun yang terpendam di dalam tanah sejak berkurun-kurun lamanya telah ditemukan oleh ahli arkeologi.
 IV Keinginan Yasmin untuk menyertai pertandingan bahas itu terpendam dalam hatinya sejak dahulu lagi.
- A I dan II sahaja
 B III dan IV sahaja
 C I, II dan III sahaja
 D II, III dan IV sahaja
- terpendam = ① 隐藏的
 ② 情感压抑
 ③ 才能未能发掘

SET 1 K1 – 2

- 4 I Baju itu sesuai dipakai oleh wanita yang bertubuh *kecil*.
 II Mereka terpaksa berhimpit-himpit di dalam bilik yang *kecil* itu.
 III Nenek menjalankan perusahaan *kecil* di kampung untuk menjana pendapatannya.
 IV Abang menjangkakan perniagaan itu akan bertambah maju dalam jangka masa *kecil*.
 A I dan II sahaja
 B III dan IV sahaja
 C I, II dan III sahaja
 D II, III dan IV sahaja

Soalan 5 – 6

Bahagian yang **bergaris** dalam ayat-ayat berikut **mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak**.

Tandakan sama ada **A, B atau C** jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan **D** jika tiada kesalahan.

- 5 Perniagaan itu didenda kerana tidak meletakkan tanda harga pada barang jualannya.
 A Peniaga itu denda
 B Peniaga itu didenda
 C Itu perniagaan didenda
 D Perniagaan itu didenda
- 6 Jambatan Angkat Terengganu adalah antara tempat tumpuan para pelancong-para pelancong yang berkunjung ke negeri Terengganu.
 A para pelancong
 B para-para pelancong
 C para pelancong-pelancong
 D para pelancong-para pelancong

Soalan 7 – 8

Pilih ayat-ayat yang **betul**.

- 7 I Dia menerima e-mel dari sahabat lamanya.
 II Dia mahir dalam mata pelajaran Matematik.
 III Amiza melintas jalan raya menggunakan jejantas.
 IV Guru disiplin menyoal siasat murid tingkatan lima.
 A I dan II sahaja
 B III dan IV sahaja
 C I, II dan III sahaja
 D II, III dan IV sahaja
- 8 I Encik Raven membuka sebuah farmasi di Sandakan.
 II Puan Noriati memasukkan tiga butir telur ke dalam adunan kek lapis itu.
 III Pak long mengadakan majlis kesyukuran atas kelahiran cucu sulungnya.
 IV Penyokong bola sepak menyaksikan perlawanan pasukan Selangor menentang pasukan Johor.
 A I dan II sahaja
 B III dan IV sahaja
 C I, II dan III sahaja
 D II, III dan IV sahaja

Soalan 9

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau maksud yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

- 9 Penggunaan komputer lebih banyak membawa kesan baik daripada kesan buruk kepada masyarakat. 好效果
- A Masyarakat menerima kesan baik yang lebih banyak daripada kesan buruk dalam penggunaan komputer.
 - B Dengan penggunaan komputer yang banyak, masyarakat menerima kesan baik dan kesan buruk.
 - C Penggunaan komputer yang banyak telah mengakibatkan masyarakat menerima kesan yang baik dan kesan buruk.
 - D Lebih banyak masyarakat menerima kesan baik daripada kesan buruk apabila menggunakan komputer.

Soalan 10

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

- 10 Murid itu memperoleh markah penuh semasa menjawab kuiz yang diberikan oleh gurunya.

Apakah bandingan semacam yang paling sesuai dengan situasi di atas?

- A Cepat macam kilat
- B Adil macam hakim
- C Ligat macam gasing
- D Cerdik macam kancil

Soalan 11 – 15 berdasarkan bahan di bawah ini.

Baca bahan di bawah ini dengan telitinya dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

DATUK PENGHULU: Begini, Pak Mail. Encik Musa datang ke sini kerana ada tugas. ^{任务}

PAK MAIL: Oh, begitu! Apa halnya, Encik Musa?

ENCIK MUSA: Begini, Pak Mail. Saya datang ini untuk menyampaikan penghargaan negara kepada keluarga Pak Mail kerana kematian Sarjan Akhbar semasa bertempur di sempadan dahulu. Kami bersimpati ^{同情} benar dengan keluarga Pak Mail, terutamanya kepada Puan Fauziah dan dua orang anaknya.

PAK MAIL: Terima kasihlah, Encik Musa. Kami memanglah sedang menghadapi masalah sekarang ini, terutamanya dalam hal persekolahan Hayati. Hari ini dia pulang dari ^{面对} (asrama.)

ENCIK MUSA: Mengapa begitu, Pak Mail?

PAK MAIL: Masalah belanja, Encik Musa. Nampaknya saya terpaksa mencari ^{原因} satu punca tetap untuk membantu persekolahannya. Saya sudah pun memberitahu Tuk Penghulu akan hal ini.

DATUK PENGHULU: Betul, Encik Musa. Saya akan berikhtiar untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh Pak Mail sekarang. Pak Mail tentu tidak dapat mengharapkan ^{期望} pencen bulannya yang sedikit itu untuk menyara keluarga. ^{退休}

PAK MAIL: Betul, Tuk.

ENCIK MUSA: Begini, Pak Mail. Kedatangan saya ini juga untuk menyampaikan sekeping cek yang bernilai sepuluh ribu ringgit untuk Puan Fauziah. Di manakah Puan Fauziah sekarang, Pak Mail?

Dipetik daripada drama 'Hadiah',
antologi *Kuingin Berterima Kasih*, Tingkatan 1,
Kementerian Pendidikan Malaysia

- 11 Berdasarkan petikan, rangkai kata *mencari satu punca tetap* membawa maksud
- A ^{福利} memperoleh pendapatan yang besar jumlahnya.
 - B memperoleh sumber rezeki melalui kutipan derma.
 - C mendapatkan sumber pendapatan yang tidak putus-putus.
 - D ^{收入} mendapat rezeki daripada sumber yang tidak disangka-sangka.
- 12 Pak Mail tentu tidak dapat mengharapkan pencen bulanannya yang sedikit itu untuk menyara keluarga.
- Bandangan semacam yang sesuai dengan situasi di atas ialah
- A kaya seperti jutawan
 - B bijak macam pendeta
 - C baik macam malaikat
 - D miskin seperti pengemis
- 13 Berdasarkan petikan, apakah persoalan yang **paling tepat** dengan petikan drama?
- A Sikap pentingkan diri akan menyebabkan kesan negatif terhadap individu dan masyarakat.
 - B Amanah dalam menjalankan tugas dan menjaga keluarga.
 - C Bersimpati dengan nasib yang menimpa orang lain.
 - D Bersyukur dengan apa-apa yang kita peroleh.
- 14 Apakah tujuan Encik Musa datang ke rumah Pak Mail?
- A Bertemu dengan Puan Fauziah
 - B Membincangkan masalah persekolahan Hayati
 - C Mengatasi masalah yang dihadapi oleh Pak Mail
 - D Menyampaikan sekeping cek yang bernilai sepuluh ribu ringgit
- 15 Yang berikut merupakan pernyataan yang benar berdasarkan petikan, **kecuali**
- A Pak Mail tidak mempunyai pendapatan yang tetap.
 - B Pak Mail tiada wang untuk menanggung persekolahan Hayati.
 - C Puan Fauziah menerima wang tunai sebanyak sepuluh ribu ringgit.
 - D wang pencen Pak Mail tidak mencukupi untuk menyara mereka sekeluarga.